

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

RGW 344 - Perumahan dan Pembangunan Komuniti I

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan: TIGA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Lakarkan dan terangkan tiap-tiap satu daripada jenis perumahan di bawah ini:-

- (a) Satu keluarga/rumah sebuah.
- (b) Dua keluarga/rumah berkembar.
- (c) Rumah teres/rumah berderet/rumah bandar.
- (d) Rumah pangsa/pangsapuri tanpa lif (walk-up)
- (e) Rumah pangsa/pangsapuri berlif.

(20 markah)

2. Dengan menggunakan angka terangkan secara ringkas faktor-faktor yang memberi kesan kepada kos dan pemasaran satu unit perumahan.

(20 markah)

... 2/-

3. Dengan bantuan grafik, terangkan secara ringkas bagaimakah proses skim perumahan yang baik boleh dimajukan. Huraikan dengan jelas peranan yang dimainkan oleh penglibat (participants) pada tiap-tiap peringkat berikut:-

Penyelidikan, perancangan dan rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan.

(20 markah)

4. Di dalam bentuk jadual, bandingkan analisis kos-faedah sosial dan ekonomi di antara pembangunan berikut:
- (a) kepadatan tinggi.
(b) kepadatan rendah.

(20 markah)

BAHAGIAN B

5. Pembekal dan pengguna mempunyai sumber yang terhad. Bincangkan cara-cara untuk mencapai kesejahteraan di dalam perumahan?

(20 markah)

6. Senarai dan terangkan secara ringkas jenis-jenis perumahan setinggan yang terdapat di Malaysia. Beri sebab berlakunya perumahan setinggan terutamanya di bandar-bandar besar di negara kita.

(20 markah)

...3/-

7. Pada tiap-tiap rancangan lima tahun Malaysia, Kerajaan telah merancang untuk membina dan menyiapkan jumlah rumah tertentu, tetapi matlamat tersebut tidak tercapai. Mengapakah keadaan ini boleh berlaku?

(20 markah)